

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 NOVEMBER 2016

# Perkasa kecewa Tun M bekerjasama dengan DAP

BH-24/11/2016



**Ibrahim pada sidang media** menjawab isu beliau menolak tawaran menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia di Ibu Pejabat Perkasa, Kuala Lumpur, semalam.

➔ Ibrahim Ali  
tolak tawaran  
sertai PPBM

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

**P**ertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) kecewa dengan pendirian Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad bekerjasama dengan DAP.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali, berkata Perkasa tidak boleh ber-

tolak ansur pendirian bekerjasama dengan DAP, sebuah parti perkauman yang menghalang perpaduan nasional, selain menolak cadangan pindaan memperkasa bidang kuasa jenayah mahkamah syariah.

Ibrahim yang mengakui seteru Dr Mahathir sebelum ini, berkata beliau enggan menerima tawaran menyertai PPBM meskipun mengakui masih menghormati dan menyayangi bekas penasihat Perkasa itu yang juga mahagurunya.

“Saya tidak kisah dengan kritikan Dr Mahathir kerana masih menganggap beliau sebagai kawan saya, seorang negarawan. Saya masih menghormati beliau, tidak kira bagaimana penghinaan dilemparkan kepada saya kerana tidak mempunyai niat memperkecilkan Tun.

## Tak kisah kritikan dilempar Tun M

“Dr Mahathir juga melabelkan saya dengan bermacam gelaran, termasuk makan dedak dan penyokong kepimpinan Datuk Seri Najib Razak. Saya tidak kisah. Walaupun mungkin seseorang selepas ini, matlamat utama saya adalah memperjuangkan Bumiputera,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita dalam satu sidang akhbar yang diadakan bagi menjelaskan alasannya menolak menyertai pimpinan Dr Mahathir di Ibu Pejabat Perkasa di sini, semalam.

Ibrahim berkata, beliau bukan anti-Cina tetapi menolak sebarang kerjasama dengan pihak yang melawan dan mempersoalkan hak



Saya tidak kisah dengan kritikan Dr Mahathir kerana masih menganggap beliau sebagai kawan saya, seorang negarawan”

**Ibrahim Ali,**  
Presiden Perkasa

orang Melayu dan Bumiputera, serta kedudukan Islam termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN), MCA dan GERAKAN.

Selain itu, katanya, beliau akan bertanding sebagai calon bebas di Kelantan dan meletakkan 50 calon yang bertanding di bawah tiket Bebas pada pilihan raya umum (PRU) akan datang dengan tumpuan di kawasan majoriti Melayu.

“Saya akan bertanding sebagai calon bebas di Pasir Mas ... mungkin di Rantau Panjang. Ketika ini, kira-kira 50 orang sudah berbilang dengan saya untuk turut bertanding sebagai calon Bebas.

“Perkasa boleh menjadi pilihan alternatif kepada golongan yang tidak menyokong Barisan Nasional (BN) dan pembangkang,” katanya.